



SIARAN MEDIA

RUMAH PEMBELI, KAMI PEDULI : 1,333 PROJEK PERUMAHAN SAKIT DAN TERBENGKALAI BERJAYA DIPULIHKAN SEJAK 2023

JOHOR BAHRU, 9 Disember 2025 – Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengumumkan **kejayaan dalam usaha memulihkan projek perumahan swasta** bermasalah di seluruh negara.

Setakat 31 Oktober 2025, bilangan **projek lewat** di seluruh negara mencatat pengurangan sebanyak 24 peratus, iaitu daripada **146 kepada 111 projek**. **Projek sakit** turut menurun, daripada **353 kepada 335**, manakala **projek terbengkalai** berkurang daripada **107 kepada 105**.

Pencapaian ini adalah hasil intervensi Pasukan Petugas Khas Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) yang ditubuhkan oleh Kerajaan MADANI sejak 2023.

Sejak penubuhannya, task force tersebut telah berjaya memulihkan 1,333 projek perumahan swasta yang melibatkan 159,638 unit kediaman dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM126.47 bilion.

Bagi tahun 2025 sahaja, sebanyak 395 projek sakit dan lewat melibatkan 44,806 unit dengan GDV RM33.75 bilion telah berjaya dipulihkan. Sebanyak 11 projek terbengkalai melibatkan 2,085 unit rumah juga telah diselesaikan melalui penyempurnaan fizikal sehingga memperoleh CCC atau penyelesaian alternatif kepada pembeli.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata bahawa pencapaian ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan MADANI dalam menangani isu projek bermasalah secara sistematik dan menyeluruh yg diwarisi sekian lama.

“Penurunan projek sakit, lewat dan terbengkalai ini membuktikan bahawa tindakan pantas dan penyelarasan bersepadu Kerajaan MADANI sedang membuahkan hasil. Setiap projek yang dipulihkan membawa makna besar kepada rakyat yang menunggu rumah mereka disiapkan,” katanya.

Projek Vista Tiara di Danga Bay turut menjadi contoh jelas kejayaan pemulihan. Projek bernilai GDV RM1.486 bilion ini melibatkan 2,003 unit dan pernah mengalami kelewatan serius sebelum disusun semula pada 2024.

MB World Properties tampil sebagai pemaju penyelamat, manakala TFST bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal dan penyedia utiliti telah memastikan halangan lama dapat diselesaikan dan projek kembali berada di landasan kukuh.

“Vista Tiara adalah bukti nyata bahawa intervensi terarah mampu menghidupkan semula projek yang pernah terbengkalai. Ini bukan sekadar pemulihan sebuah projek, tetapi pemulihan keyakinan pembeli dan pemulihan maruah keluarga yang menanti kediaman mereka,” beliau berkata.

KPKT menegaskan bahawa kejayaan ini seiring dengan Reformasi Perumahan MADANI yang memperkukuh kawal selia melalui melalui Akta Pemajuan Harta Tanah (RPDA), pelaksanaan perjanjian jual beli secara digital melalui eSPA, pendigitalan ekosistem perumahan melalui Housing Integrated Management System (HIMS), pengenalan platform maklumat perumahan di TEDUH dan audit akaun HDA bagi memperkukuh mekanisme kawalan perumahan. Reformasi ini menetapkan asasbaharu yang lebih moden, responsif dan berintegriti dengan satu matlamat utama: **‘Rumah Pembeli, kami Peduli’**.

Reformasi ini turut memperkenalkan sistem pemantauan moden serta intervensi awal yang membolehkan isu dikenal pasti lebih cepat. Pendekatan menyeluruh ini memastikan projek baharu tidak berulang menjadi sakit atau lewat serta menyokong sasaran Kerajaan untuk mencapai sifar projek sakit, lewat dan terbengkalai menjelang 2030.

YB Menteri menegaskan bahawa KPKT komited memenuhi sasaran ini melalui tindakan yang lebih proaktif, penyelarasan rentas agensi dan pengukuhan tadbir urus industri perumahan.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI
#eSPAdiManaMana
#TEDUHBersama

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my